

## **PERLEMBAGAAN BAGI**

### **PERTUBUHAN INDUK**

#### **KELAB SUKAN, KEBAJIKAN DAN REKREASI, MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR**

(PPM-003-10-01121985)

#### **1 NAMA PERTUBUHAN**

1.1 Pertubuhan ini dikenali dengan nama Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi, Majlis Perbandaran Kuala Selangor atau ringkasnya disebut sebagai Kelab di dalam Perlembagaan ini.

#### **2 ALAMAT DAN TEMPAT URUSAN**

2.1 Alamat berdaftar, surat menyurat dan tempat urusan Kelab adalah:

Tingkat 1, Stadium Utama Kompleks Sukan  
Kuala Selangor, 45000 Kuala Selangor,  
SELANGOR DARUL EHSAN

2.2 Alamat berdaftar ini tidak boleh diubah tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Pendaftar Pertubuhan.

#### **3 DEFINISI**

3.1 MESYUARAT AGUNG TAHUNAN bermakna mesyuarat yang diadakan oleh Kelab ini pada tiap-tiap tahun seperti yang disebutkan dalam Fasal 10 Perlembagaan ini.

3.2 MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA bermakna mesyuarat yang diadakan oleh Kelab ini seperti yang disebut dalam Fasal 11 Perlembagaan ini.

3.3 JAWATANKUASA bermakna jawatankuasa tertinggi yang mentadbir perjalanan Kelab dan hendaklah mempunyai kuasa eksekutif dalam menggubal dan melaksanakan dasar-dasar Kelab yang disebut dalam Fasal 12 Perlembagaan ini.

3.4 AHLI KELAB bermakna ahli yang disebutkan dalam Fasal 6 Perlembagaan ini.

3.5 PEJABAT bermakna alamat berdaftar Kelab seperti yang ditetapkan dalam Fasal 2 Perlembagaan ini.

3.6 PEGAWAI bermakna semua Ahli Jawatankuasa, Ahli Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil dan mana-mana orang yang diberikan kuasa untuk menjalankan tugas dan fungsi Kelab.

3.7 PEGAWAI PENGURUS ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh

Jawatankuasa berdasarkan kepada Fasal 10.10.1(c).

#### **4 OBJEKTIF DAN FUNGSI**

4.1 Mengadakan aktiviti-aktiviti kebajikan, rekreasi dan sukan di kalangan ahli;

4.2 Memberi peluang kepada ahli-ahli untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kebajikan, rekreasi dan sukan dalam usaha memelihara dan memupuk persefahaman, semangat kerjasama, mewujudkan suasana kemesraan dan mengeratkan perhubungan antara satu sama lain menerusi aktiviti-aktiviti tersebut;

4.3 Mempertingkatkan penganjuran aktiviti-aktiviti Kelab secara persendirian atau bersama dengan lain-lain Kelab Rekreasi dengan mengadakan pertandingan serta perlawanan;

4.4 Mengadakan kutipan derma dengan kelulusan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan dan Pihak Berkuasa yang berkenaan;

4.5 Menganjurkan rombongan dan lawatan sebagai kegiatan pembelajaran, muhibah, kebudayaan dan rekreasi;

4.6 Melakukan perkara-perkara yang sah di sisi undang-undang selaras dengan tujuan bagi mencapai tujuan-tujuan Kelab di atas.

#### **5 LOGO**

5.1 Logo Kelab adalah seperti di Lampiran.

5.2 'OBOR' bermaksud lambang semangat ahli dalam apa jua situasi.

5.3 'ORANG BERSUKAN' bermaksud kepelbagaian sukan untuk jati diri.

5.4 '3 SEKAWAN' bermaksud semangat kekitaan.

5.5 '3 GELUNG' bermaksud semangat perpaduan.

5.6 'MENARA API DENGAN TULISAN MPKS' bermaksud logo Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS).

5.7 'KELAB SUKAN, KEBAJIKAN DAN REKREASI, MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR' bermaksud nama kelab.

#### **6 KEAHLIAN**

6.1 Keahlian mestilah berumur 18 tahun ke atas dan merupakan warganegara

malaysia.

6.2 Keahlian terbahagi kepada dua jenis iaitu :

6.2.1 Ahli Biasa

Kakitangan Majlis Perbandaran Kuala Selangor adalah layak memohon menjadi ahli.

6.2.2 Ahli Gabungan

a) Bekas ahli Kelab yang telah bersara atau berkhidmat di agensi lain layak memohon untuk menjadi Ahli Gabungan;

b) Ahli Gabungan tidak mempunyai hak mengundi semasa Mesyuarat Agung Kelab tetapi boleh menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Kelab;

c) Tanpa mengambilkira Fasal 6.2, Jawatankuasa boleh mengikut budibicaranya untuk menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya; dan

d) Tiap-tiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan hendaklah, setelah membayar yuran bulan pertama yang ditetapkan, diterima menjadi Ahli Gabungan Kelab.

6.3 Permohonan menjadi ahli :

a) Permohonan menjadi ahli hendaklah dibuat secara bertulis dengan mengisi borang dan dikemukakan kepada Jawatankuasa. Jawatankuasa boleh meluluskan atau menolak sebarang permohonan; dan

b) Sekiranya permohonan menjadi ahli ditolak, sebab-sebab penolakan hendaklah dikemukakan kepada pemohon secara bertulis.

## 7 YURAN KEAHLIAN

7.1 Permohonan menjadi ahli adalah percuma.

7.2 Bayaran yuran bulanan ialah RM 20.00 bagi kakitangan kumpulan A, RM 10.00 bagi kumpulan B dan RM 5.00 bagi kumpulan C dan kumpulan D.

7.3 Kegagalan untuk menjelaskan yuran tahunan dalam tempoh dua (2) bulan menyebabkan keahliannya terbatal.

7.5 Permohonan semula ahli yang telah diberhentikan untuk menjadi ahli akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa dan Jawatankuasa mempunyai kuasa menetapkan yuran pendaftaran semula.

7.6 Mana-mana ahli yang telah dibatalkan keahliannya dan ingin menjadi ahli semula, hendaklah mengemukakan permohonan baru dengan menyertakan bayaran yuran pendaftaran, yuran tahunan dan penalti sebanyak RM 50.00.

Penerimaan keahlian ini tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa.

## **8 PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI KELAB**

8.1 Ahli yang memohon berhenti menjadi ahli kelab, hendaklah memberi kenyataan bertulis 14 hari terlebih dahulu kepada Setiausaha Kehormat dan menjelaskan segala hutangnya.

8.2 Mana-mana Ahli Kelab yang gagal mematuhi undang-undang kelab atau bertindak dengan cara yang mencemarkan nama baik kelab boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi suatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa.

8.3 Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung ahli tersebut, Ahli Kelab itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis.

8.4 Ahli Kelab tersebut hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan atau membela dirinya. Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan Mesyuarat Agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh Ahli Kelab tersebut.

8.5 Pemberhentian keahlian boleh juga merujuk kepada fasal 7.4

## **9 KEISTIMEWAAN DAN HAK AHLI KELAB**

9.1 Semua Ahli Kelab mempunyai hak dan kesitimewaan seperti berikut :

(a) Berhak untuk menyertai segala kegiatan yang dianjurkan oleh Kelab ini;

(b) Berhak menerima dengan percuma satu salinan perlembagaan Kelab semasa pendaftaran dan diberi sekali sahaja; dan

(c) Berhak menggunakan apa-apa kemudahan yang disediakan oleh Kelab ini tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan.

9.2 Tiap-tiap Ahli Kelab hendaklah mengakui dan bersetuju untuk mematuhi :

(a) Perlembagaan, undang-undang dan peraturan-peraturan termasuk peraturan-peraturan kecil, amalan-amalan terbaik yang diterimapakai oleh badan-badan sukan dan kebajikan di peringkat tempatan dan antarabangsa;

(b) Segala bidang kuasa Kelab ini; dan

(c) Segala peraturan dan undang-undang berkaitan dengan Kelab ini.

## **10 MESYUARAT AGUNG TAHUNAN**

10.1 Mesyuarat Agung Tahunan ialah mesyuarat yang dihadiri oleh semua ahli Kelab. Ia merupakan kuasa perundangan tertinggi untuk membuat keputusan.

10.2 Mesyuarat Agung Tahunan Kelab diadakan tiap-tiap tahun manakala pemilihan Jawatankuasa hendaklah dibuat dua tahun sekali.

10.3 Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan tidak lewat dari bulan April tiap-tiap tahun.

10.4 Jika Kelab gagal mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya mengikut tempoh yang ditetapkan dalam fasal 10.3 dan 10.8, Kelab hendaklah merujuk kepada Pendaftar Pertubuhan untuk pelanjutan masa bagi mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan itu.

10.5 Notis Mesyuarat Agung Tahunan

(a) Dua (2) notis Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah dihantar secara bertulis sama ada melalui fax, e-mail, surat berdaftar, sistem pesanan ringkas, serahan tangan atau lain-lain kaedah dan teknologi yang bersesuaian.

(b) Notis pertama hendaklah dihantar kepada setiap Ahli Kelab sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan yang menyatakan perkara-perkara berikut :

- (i) Tarikh;
- (ii) Hari;
- (iii) Masa; dan
- (iv) Tempat Mesyuarat diadakan

(c) Notis kedua hendaklah dikeluarkan kepada setiap Ahli Kelab sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan yang disertakan dengan perkara-perkara berikut :

- (i) Agenda;
- (ii) Laporan aktiviti;
- (iii) Laporan kewangan;
- (iv) Borang maklumat perwakilan ke Mesyuarat Agung;
- (v) Borang pencalonan (jika berkenaan); dan
- (vi) Borang permintaan usul daripada Ahli Kelab untuk dibawa dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

(d) Borang pencalonan (jika berkenaan) dan borang maklumat perwakilan yang telah lengkap hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Kehormat sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan.

10.6 Usul

(a) Semua usul yang hendak dibawa ke dalam Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Setiausaha Kehormat sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan.

(b) Jika usul ditolak oleh Jawatankuasa, usul tersebut atau usul baru yang mempunyai maksud yang sama tidak boleh dikemukakan semula.

#### 10.7 Korum

(a) Korum bagi Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah tidak kurang dari satu pertiga (1/3) daripada bilangan keahlian yang layak mengundi atau dua (2) kali ganda bilangan Jawatankuasa mengikut mana yang lebih.

(b) Sekiranya korum tidak mencukupi selepas satu (1) jam dari masa yang ditetapkan, maka Mesyuarat itu hendaklah ditunda kepada tarikh baru dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh mesyuarat itu.

(c) Sekiranya korum masih tidak mencukupi pada mesyuarat yang ditunda itu maka Ahli Kelab yang hadir bolehlah meneruskan mesyuarat tetapi tidak boleh meminda perlembagaan, membuat keputusan-keputusan yang melibatkan harta dan membuat apa-apa keputusan berkaitan dengan kepentingan Ahli Kelab .

#### 10.8 Penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan

(a) Mana-mana Mesyuarat Agung Tahunan yang ditangguhkan selain daripada perkara 10.7(b), Pengerusi boleh dengan persetujuan dua pertiga (2/3) daripada ahli mesyuarat yang berhak mengundi, menangguh mesyuarat kepada masa dan tempat yang lain.

(b) Sekiranya mesyuarat Agung Tahunan ditangguhkan dalam tempoh tidak melebihi tiga puluh (30) hari, mesyuarat itu boleh disambung tanpa mengeluarkan notis mesyuarat yang baru. Walau bagaimanapun tiada perkara baru boleh dibincangkan selain dari apa yang telah dinyatakan dalam agenda. Ia hanya untuk menyelesaikan agenda mesyuarat terdahulu yang masih belum selesai.

(c) Jika mesyuarat itu ditangguhkan melebihi daripada tiga puluh (30) hari, notis mesyuarat baru hendaklah dikeluarkan sama seperti notis asal menurut fasal 10.5. Walau bagaimanapun tiada perkara baru boleh dibincangkan selain dari apa yang telah dinyatakan dalam agenda. Ia hanya untuk menyelesaikan agenda mesyuarat terdahulu yang masih belum selesai.

#### 10.9 Pengendalian Mesyuarat Agung Tahunan

Apa-apa perkara yang berbangkit semasa Mesyuarat Agung Tahunan berkaitan dengan agenda mesyuarat, prosedur dan tatacara pengendalian mesyuarat hendaklah dirujuk kepada pengerusi Mesyuarat yang keputusannya adalah muktamad.

#### 10.10 Kaedah Mengundi Dan Keputusan

10.10.1 Apa-apa keputusan yang memerlukan pengundian, pengundian hendaklah dibuat dengan cara:-

(a) mengangkat tangan dan keputusan undian tersebut hendaklah diisytiharkan oleh Pengerusi Mesyuarat sebaik sahaja proses pengiraan selesai dan keputusan itu hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat; atau

(b) jika diminta oleh:-

- (i) Presiden dengan persetujuan majoriti ahli mesyuarat; atau
- (ii) satu perdua (1/2) daripada ahli Mesyuarat yang berhak mengundi

menggunakan kertas undian tertutup dan keputusan undian tersebut hendaklah diisytiharkan oleh Pengerusi Mesyuarat sebaik sahaja proses pengiraan selesai dan keputusan itu hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat; atau

(c) melalui proses pilihanraya dengan cara:-

(i) Jawatankuasa boleh melantik seorang Pegawai Pengurus untuk menjalankan pilihan raya bagi maksud pemilihan baru Jawatankuasa.

(ii) Pegawai Pengurus yang dilantik hendaklah menyebabkan satu notis pilihan raya ditampal di tempat-tempat yang mudah untuk semakan Ahli Kelab yang mengandungtarikh penamaan calon, tarikh pengundian dan pusat mengundi yang akan dijalankan serta Borang Pencalonan Calon.

(iii) Borang Pencalonan Calon yang telah di lengkapkan dengan maklumat nama dan tandatangan calon dan pencadang hendaklah di kembalikan kepada Pegawai Pengurus dalam tempoh 2 hari sebelum tarikh penamaan calon. Pegawai Pengurus akan mengistiyarkan calon-calon yang layak bertanding selepas jam 10.00 pagi pada tarikh penamaan calon.

(iv) Selepas sahaja urusan penamaan calon selesai, calon-calon atau wakilnya bolehlah memulakan urusan kempen yang terdiri daripada pemasangan poster dan kempen kepada ahli kelab.

(v) Pada hari mengundi yang telah ditetapkan, Ahli Kelab akan keluar mengundi di pusat mengundi yang telah ditetapkan.

(vi) Sebaik saja urusan pengundian selesai, Pegawai Pengurus atau wakilnya akan membuat pengiraan kertas undi di tempat pengundian atau mana-mana tempat yang ditentukan oleh Pegawai Pengurus. Calon dan/atau wakilnya boleh hadir semasa proses pengiraan kertas undi dibuat.

(vii) Pengiraan kertas undi akan dibuat dengan meneriakkan nama calon dan mempamerkan kertas undi kepada calon/wakilnya dan mencatatkan jumlah undi yang diperolehi oleh calon di dalam borang pengiraan yang ditetapkan oleh Pegawai Pengurus.

(viii) Setelah berpuas hati dengan ketepatan pengiraan di dalam borang pengiraan kertas undi, Pegawai Pengurus akan mengumumkan jumlah kertas undi yang diperolehi oleh setiap calon. Calon yang mempunyai jumlah undian yang tertinggi akan diumumkan sebagai pemenang

(ix) Keputusan yang diumumkan oleh Pegawai Pengurus adalah muktamad dan tidak boleh disemak atau diulangkaji oleh mana-mana badan atau Mahkamah.

(x) Dalam menjalankan tugas-tugas di bawah Fasal ini, Pegawai Pengurus boleh melantik mana-mana orang untuk membantunya tertakluk kepada undang-undang

pentadbiran awam yang digunapakai.

#### 10.11 Agenda Mesyuarat Agung Tahunan

Agenda Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah mengandungi perkara-perkara seperti berikut :

- (a) menerima dan mengesahkan minit Mesyuarat Agung Tahunan sebelumnya;
- (b) menerima dan meluluskan Laporan Jawatankuasa berkenaan kegiatan Kelab sepanjang tahun sebelumnya;
- (c) menerima dan meluluskan laporan Bendahari Kehormat dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun sebelumnya;
- (d) pemilihan Ahli Jawatankuasa (jika berkenaan); dan
- (e) hal-hal lain yang berkaitan.

## 11 MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA

Mesyuarat Agung Luar Biasa bagi Kelab ini boleh diadakan :

11.1 Dengan keputusan Jawatankuasa melalui undi sulit dengan Presiden mempunyai undi pemutus; atau

11.2 Atas permintaan beramai-ramai secara bertulis oleh tidak kurang daripada satu pertiga (1/3) dari jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Kehormat Kelab;

11.3 Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu;

11.4 Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Luar Biasa itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha Kehormat kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk bermesyuarat;

11.5 Fasal 10.7 dan 10.8 di dalam undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Luar Biasa, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi setelah satu (1) jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Luar Biasa atas permintaan ahli-ahli itu maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan dari tarikh ini Mesyuarat Agung Luar Biasa, atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan; dan

11.6 Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli satu salinan minit mesyuarat tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Luar Biasa dengan seberapa segera yang boleh setelah selesainya mesyuarat itu.



## 12 JAWATANKUASA

12.1 Satu Jawatankuasa seperti berikut yang dinamakan Pegawai Kelab hendaklah dipilih 2 (dua) tahun sekali di dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

- (a) Seorang Presiden
- (b) Seorang Timbalan Presiden
- (c) Seorang Setiausaha Kehormat
- (d) Seorang Bendahari Kehormat
- (e) 7 (tujuh) orang Ahli Jawatankuasa Biasa

12.2 Pemegang-pemegang jawatan Kelab ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam kelab ini hendaklah terdiri daripada Ahli Kelab.

12.3 Nama-nama untuk jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan akan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli biasa di dalam Mesyuarat Agung dua tahun sekali seperti yang ditetapkan di dalam Fasal 10.10.1(c).

12.4 Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat dengan persetujuan Presiden boleh melantik seorang Penolong Setiausaha dan Penolong Bendahari bagi membantu kerja-kerja Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat kecuali menandatangani cek akaun kewangan Kelab.

12.5 Tugas-tugas Jawatankuasa antaranya adalah seperti berikut:

- (a) menubuh Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil;
- (b) melantik Pengerusi Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil;
- (c) menguatkuasakan dasar-dasar dan keputusan Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa;
- (d) mengurus dan mentadbir Kelab secara teratur;
- (e) merancang, melaksana dan menilai program Kelab;
- (f) mengkaji dan mencadangkan program-program dan perbelanjaan yang berkaitan;
- (g) meluluskan atau meminda peraturan-peraturan dan Perlembagaan untuk di bahas dalam Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa;
- (h) memantau dan memastikan semua ahli, pegawai dan pemegang jawatan mematuhi perlembagaannya dan peraturan-peraturan yang ditetapkan Kelab ini;
- (i) melantik dan mengisi mana-mana jawatan kosong;
- (j) membangun dan merangka pelan strategik pembangunan sukan berkenaan di peringkat Kelab;
- (k) mengambil tindakan disiplin terhadap mana-mana pemegang jawatan yang melanggar perlembagaan dan peraturan Kelab;
- (l) menimbang permohonan menjadi ahli Kelab;
- (m) menyelesaikan apa-apa masalah pelanggaran peraturan, peraturan kecil, dan disiplin di kalangan pegawai, pemegang jawatan dan ahli melalui prosedur-prosedur yang ditetapkan;
- (n) memberi pinjaman kepada mana-mana ahli yang difikirkan layak bagi maksud mengurangkan beban kewangan dengan apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Kelab;

- (o) menjalankan apa-apa perniagaan yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang bertulis bagi maksud menambahkan kewangan Kelab; dan
- (p) menjadi ejen dan bertindak di bawah apa-apa surat ikatan kepada agensi/syarikat yang berdaftar secara sah dengan mana-mana undang-undang bertulis bagi maksud menambahkan kewangan Kelab.

12.6 Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam 3 (tiga) bulan. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli Jawatankuasa 7 (tujuh) hari terlebih dahulu. Presiden dengan bersendirian atau tidak kurang daripada 4 (empat) orang ahli jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah (1/2) daripada bilangan ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.

12.7 Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan Mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha Kehormat boleh mendapatkan kelulusan dari ahli-ahli Jawatankuasa secara pengedaran surat pekeliling. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut mestilah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa boleh dianggap sebagai telah diterima.

12.7.1 Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dijelaskan dengan terang di dalam surat pekeliling yang diedarkan kepada tiap-tiap ahli Jawatankuasa;

12.7.2 Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan mereka terhadap cadangan itu; dan

12.7.3 Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak. Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam minit mesyuarat.

12.8 Ahli Jawatankuasa yang tidak menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan bertulis yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa.

12.9 Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan, calon yang kedua mendapat undian terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka berkuasalah Jawatankuasa melantik ahli yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.

12.10 Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada Setiausaha Kehormat dan ahli-ahli Jawatankuasa lain untuk menjalankan urusan kelab, dan melantik pengurus dan kakitangan yang difikirkan mustahak. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Kelab.

12.11 Jawatankuasa boleh menubuhkan Jawatankuasa kecil jika difikirkan mustahak dan memberi kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa.

## **13 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

13.1 Presiden :

13.1.1 Dalam tempoh menyandang jawatannya, hendaklah menjadi pengerusi semua mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung;

13.1.2 Mempunyai undi pemutus;

13.1.3 Menandatangani minit Mesyuarat Agung bila telah diluluskan; dan

13.1.4 Boleh menandatangani semua cek akaun kewangan Kelab.

13.2 Timbalan Presiden :

13.2.1 Menjalankan tugas dan memangku jawatan Presiden semasa ketiadaannya atas sebab- sebab tertentu kecuali menandatangani cek akaun kewangan Kelab.

13.3 Setiausaha Kehormat :

13.3.1 Menguruskan segala surat menyurat dan menyimpan segala buku, surat, dokumen dan seumpamanya kertas kecuali akaun dan buku-buku kewangan;

13.3.2 Menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi butir-butir seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat rumah tiap-tiap ahli;

13.3.3 Hendaklah hadir di semua mesyuarat dan menyediakan minit mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung. Catatan Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah dikirimkan kepada Pendaftar Pertubuhan bersama penyata Tahunan Kelab selewat-lewatnya 28 hari dari tarikh Mesyuarat Agung; dan

13.3.4 Boleh menandatangani semua cek akaun kewangan Kelab.

13.4 Bendahari Kehormat :

13.4.1 Memungut segala yuran Kelab, dan menyediakan penyata kira-kira tahunan berakhir pada 31 Disember; dan

13.4.2 Menandatangani semua cek akaun kewangan Kelab bersama-sama dengan Presiden atau Setiausaha.

13.5 Ahli Jawatankuasa Biasa :

13.5.1 Membantu Jawatankuasa dalam menjalankan tugas yang diarahkan

kepadanya.

## 14 KEWANGAN

14.1 Wang Kelab ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Kelab.

14.2 Bendahari Kehormat dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada RM500.00 (Ringgit: Lima Ratus sahaja) pada sesuatu masa kecuali dengan kebenaran Jawatankuasa. Wang yang lebih daripada jumlah ini mestilah dimasukkan ke dalam bank yang diluluskan oleh Jawatankuasa. Kira-kira bank itu hendaklah atas nama Kelab.

14.3 Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari kira-kira Kelab hendaklah ditandatangani oleh Bendahari Kehormat bersama Presiden atau Setiausaha Kehormat. Semasa ketiadaan Presiden, Setiausaha Kehormat atau Bendahari Kehormat, maka bolehlah Jawatankuasa melantik sesiapa di antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau kenyataan pengeluaran wang Kelab.

14.4 Perbelanjaan yang kurang daripada RM 5,000.00 (Ringgit: Lima Ribu sahaja) bagi sesuatu masa boleh diluluskan oleh Presiden atau Timbalan Presiden bersama Setiausaha Kehormat atau Bendahari Kehormat. Perbelanjaan yang lebih daripada RM 5,000.00 (Ringgit: Lima Ribu sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa, dan perbelanjaan yang lebih daripada RM 50,000.00 (Ringgit: Lima Puluh Ribu sahaja) bagi sebulan tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agung terlebih dahulu.

14.5 Penyata darihal wang diterima dan dibelanjakan serta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari Kehormat dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira yang dilantik di bawah Fasal 15 undang-undang ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan Kelab.

14.6 Menyimpan semua resit atau penyata-penyata pengesahan pengeluaran untuk semua perbelanjaan Kelab serta penyata penerimaan.

14.7 Tahun Kewangan Kelab ini bermula dari 1 Januari dan berakhir 31 Disember tiap-tiap tahun.

14.8 Kelab dibenarkan menerima sumbangan derma ikhlas melalui mana-mana pihak yang tidak mempunyai kepentingan dengan Jawatankuasa atau mana-mana ahli.

## 15 PEMERIKSA KIRA-KIRA

15.1 Dua orang Ahli Kelab yang bukannya Ahli Jawatankuasa Kelab boleh dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Pemeriksa Kira-kira. Mereka akan memegang jawatan selama dua tahun dan boleh dilantik semula.

15.2 Pemeriksa Kira-kira adalah dikehendaki memeriksa kira-kira Kelab bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka juga dikehendaki pada bila-bila masa oleh Presiden untuk mengaudit kira-kira Kelab bagi mana-mana masa di dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

## **16 PENASIHAT DAN/ATAU PENAUNG**

Penasihat dan/atau Penaung kelab ini ialah Yang Di Pertua, Majlis Perbandaran Kuala Selangor.

## **17 LARANGAN**

17.1 Ahli-ahli dilarang daripada melakukan sebarang perkara-perkara maksiat dan mengadakan permainan berunsur perjudian di dalam kawasan Kelab yang boleh mencemarkan nama baik Kelab.

17.2 Kelab ini atau ahli-ahlinya tidak boleh cuba menghalang atau dengan cara apa jua pun mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan sekerja seperti definisi di dalam Akta Kesatuan Sekerja, 1959.

17.3 Kelab ini tidak boleh menjalankan loteri samada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Kelab atau pegawai-pegawai atau Jawatankuasa atau ahli, tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan.

17.4 Tiada ada apa-apa faedah sebagaimana yang ditakrifkan dalam Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966, boleh dibayar kepada mana-mana ahli atau tanggungan ahli itu.

## **18 PINDAAN PERLEMBAGAAN**

18.1 Perlembagaan ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung.

18.2 Permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada Perlembagaan hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Agung meluluskan perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

## **19 PEMBUBARAN**

19.1 Kelab ini tidak boleh dibubarkan melainkan dengan satu keputusan yang diluluskan oleh 2/3 daripada jumlah semua ahli-ahli biasa Kelab yang hadir dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang diadakan khas kerana pembubaran.

19.2 Apabila kelab ini dibubarkan, segala hutang sah hendaklah dijelaskan terlebih dahulu sebelum bakinya itu dibahagi-bahagikan dengan saksama antara ahli-ahli atau diserahkan kepada Kelab Kebajikan mengikut keputusan yang diambil dalam Mesyuarat Agung itu.

19.3 Kenyataan mengenai pembubaran hendaklah diberitahu kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran itu.

## LAMPIRAN

1. Bendera
  - 
  - Keterangan
  -
2. Lambang



**KELAB SUKAN, KEBAJIKAN DAN REKREASI  
MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR**

Keterangan

-

3. Lencana
  - 
  - Keterangan
  -